

Variasi leksikal ‘ular’ dalam dialek Melayu Kedah: Pemetaan Beraplikasi GIS

The Variation of Lexical “ular” In Kedah Malay Dialect: Mapping Using GIS

AINUR SYAKIRAH MUHD HISSAM, JUNAINI KASDAN & HARISHON RADZI

ABSTRAK

Negeri Kedah merupakan sebuah negeri yang terletak di utara Semenanjung Malaysia. Kedudukan negeri ini bersempadan dengan negara Thailand dan negeri Perlis di sebelah utara, manakala Pulau Pinang dan Perak berada di sebelah selatan, serta negeri Kelantan di sebelah pantai timur negeri tersebut. Hal ini menjadikannya sebagai sebuah negeri yang unik. Kedudukannya yang unik ini turut memberikan impak kepada kerencaman dialek Melayu yang dituturkan oleh penutur asli di Kedah. Justeru, kajian ini cuba melihat taburan dialek di negeri Kedah, dengan tumpuan khusus kepada leksikal ‘ular’. Leksikal ini dipilih kerana haiwan ini banyak ditemukan di kawasan sawah padi dan biasa dengan kehidupan persekitaran masyarakatnya. Hal ini sesuai dengan julukan Kedah sebagai jelapang padi Malaysia. Kajian geolinguistik ini bermula dengan pengumpulan data leksikal yang dibuat menerusi kajian lapangan di sebelas buah mukim dan 135 buah kampung di negeri Kedah. Data dikutip menggunakan kaedah wawancara terbuka dan rakaman. Sejumlah 892 responden yang terdiri daripada penutur jati dialek Melayu Kedah dari kalangan remaja, dewasa dan warga tua terlibat dalam kajian ini. Bagi memperlihatkan taburan leksikal dan pengaruh geografinya, kajian ini memanfaatkan kemudahan sistem maklumat geografi (GIS) serta perisian ArcGIS yang dapat membantu menjana peta taburan dialek yang lebih tepat dan sistematis. Melalui taburan variasi leksikal pilihan, iaitu ‘ular’ satu peta isoglos telah dihasilkan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa taburan leksikal ‘ular’ di Kedah mempunyai polanya yang tersendiri dan taburannya dapat dikaitkan dengan keadaan geografi setempat.

Kata kunci: Dialek ; geolinguistik; Kedah; variasi leksikal; GIS

ABSTRACT

The state of Kedah is located in the northern part of Peninsular Malaysia. It shares borders with Thailand and the state of Perlis to the north, while Penang and Perak lie to the south, and Kelantan is situated along the eastern coast. This positioning makes it a unique state. This unique position also has an impact on the coherence of the Malay dialect spoken by native speakers in Kedah. Thus, this study aims to see the distribution of dialects in the state of Kedah, with a special focus on the lexical ‘ular’. This lexical item is chosen because these animals are found in the rice fields and are common within the life of the surrounding community. This is in line with Kedah’s nickname as Malaysia’s rice granary. This geolinguistic study begins with the collection of lexical data made through field research in eleven sub-districts and 135 villages in the state of Kedah. The data was collected using open interview and recording methods. A total of 892 respondents consisting of native speakers of the Malay dialect of Kedah ranging from teenagers, adults and the elderly are involved in this study. In order to show the lexical distribution and its geographical influence, this study utilizes the facilities of the geographic information system (GIS) as well as ArcGIS software which can help generate a more accurate and systematic dialect distribution map. Through the distribution of the chosen lexical variation, namely ‘ular’, an isogloss map is produced. The results show that the lexical distribution of ‘ular’ in Kedah has its own pattern and its distribution can be linked to the local geographical situation.

Keywords: Dialect; geolinguistics; Kedah; lexical variation; GIS

PENDAHULUAN

Dialek merupakan variasi bahasa yang berbeza daripada ragam yang lain yang ditentukan oleh sebutan, kosa kata dan tatabahasa. Dialek turut berbeza daripada bahasa Melayu Standard. Menurut Collins (1996), sebelum abad ke-17 penyebaran dialek Melayu sudah lama wujud. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa Melayu telah menjadi bahasa utama serta digunakan secara meluas di sekitar kepulauan Nusantara. Kemudiannya, bahasa Melayu turut tersebar luas penggunaanya di Kepulauan Filipina dan Maluku di Lautan Pasifik. Terdapat banyak faktor yang mendorong kepada kemunculan variasi dialek Melayu. Antaranya ialah faktor pergaulan dan perdagangan. Selain itu, pembentukan masyarakat migran di perkampungan baharu juga wujud dilatari dan diwarnai dengan sejarah yang tersendiri. Bidang dialektologi adalah sinonim dengan dialek geografi, iaitu kajian-kajian mengenai dialek yang menumpukan perhatian kepada dialek-dialek menurut kawasan geografinya (Asmah 1985). Menurut Zaharani Ahmad (1991), dialektologi ialah suatu kajian mengenai dialek-dialek yang terdapat dalam sesuatu bahasa, manakala dialek pula ialah kelainan bahasa secara lazim yang digunakan oleh orang tertentu di kawasan geografi dan keadaan sosial, dan dialek adalah yang paling dekat dengan individu (Asmah 1978). Manusia menggunakan bahasa untuk berkomunikasi dan menyampaikan idea. Tanpa bahasa, tidak wujudlah komunikasi antara manusia, maka tidak berlakulah aktiviti sosial sesama manusia. Banyak bahasa di dunia ini mempunyai kepelbagaiannya dialek yang tersendiri. Perbezaan-perbezaan tersebut telah menjadi tajuk perbualan dalam kalangan anggota masyarakat sejak zaman-berzaman lagi (Chambers & Trudgill 1990). Menurut Heeringa (1970), kesedaran tentang perkara tersebut, terutamanya tentang kewujudan kepelbagaiannya dialek telah dikesan di Eropah sejak Zaman Pertengahan. Kajian dialek yang melibatkan bentuk sebutan, kosa kata dan varian, kajian dialek secara tidak langsung dapat dikaitkan dengan unsur ruang. Hal ini demikian kerana kepelbagaiannya dialek dapat memperlihatkan perbezaan unsur ruang bagi setiap leksikal yang digunakan dalam sesebuah dialek, contohnya penggunaan kata nama. Perbezaan dialek ini berbeza mengikut dialek setempat dan dipengaruhi juga oleh aktiviti sehari-hari di samping latar belakang penuturnya. Kajian Asmah (1985) telah mengemukakan pelbagai dialek mengikut daerah

yang terdapat di Malaysia. Melalui kajian Mario dan Gaynor (1960) dan Abdul Hamid Mahmood (1993) turut berpendapat bahawa dialek yang dituturkan merupakan bentuk yang khusus terhadap sesuatu bahasa dan penuturnya. Tambahan pula, dialek tersebut dituturkan oleh kelompok penutur di daerah atau kawasan tertentu atau di kawasan geografinya. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan dialek dan kawasan geografi saling berkait rapat. Menurut Zaharani Ahmad (1993), berdasarkan ciri-ciri linguistik, yang terdiri daripada fonologi, morfologi, atau sintaksis, ternyata dialek-dialek dalam sesebuah bahasa itu memiliki pelbagai persamaan dan juga beberapa perbezaan antara satu sama lain. Perbezaan itu pula yang menunjukkan mereka telah mengalami perkembangan secara tersendiri dan terpisah daripada dialek-dialek yang lain. Asmah (2008) menyatakan bahawa antara faktor yang mengakibatkan perbezaan dialek ialah bentuk muka bumi atau geografi, sosial, ekonomi, dan politik. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika sempadan bahasa atau dialek biasanya tidak sama atau tidak selari dengan sempadan politik dan pentadbiran, seperti yang telah ditetapkan di dalam sesuatu peta. Kajian mengenai dialek ini bukan sahaja menarik perhatian para ahli bahasa di Malaysia, tetapi juga pengkaji di luar negara sejak sekian lama. Pelbagai bidang telah dikaji seperti bidang fonologi, morfologi dan sintaksis.

Asmah Haji Omar (1985) telah meneliti dialek Melayu di seluruh Malaysia termasuk di Brunei. Kajian ini melibatkan penjelasan fonologi mengikut dialek. Selain itu, Ajid Che Kob (1984) juga antara pengkaji yang menggunakan dialek sebagai sumber kajian dengan meneliti aspek fonologi dan juga leksikal. Menurut Asmah Haji Omar (2008), mendefinisikan dialek bahasa Melayu Utara (DBMU) sebagai dialek bahasa Melayu yang digunakan di kawasan Perlis, Kedah (termasuk Pulau Langkawi), Pulau Pinang dan utara Perak hingga ke Taiping. Tambahnya lagi, terdapat juga perbezaan kecil yang menimbulkan beberapa subdialek bagi dialek ini. Misalnya wujudnya perbezaan yang kecil antara dialek yang dituturkan di Perlis, terutamanya di kawasan utara negeri itu dengan yang dituturkan di Kedah. Asmah telah memberikan contoh seperti perwujudan urutan -ut atau -ot di akhir kata yang rangkapnya ialah uē, yakni apabila /t/ digantikan dengan hentian glotis, seperti leksikal /lutut/ menjadi [lутуē?], /pancut/ menjadi [pancуē?]. Oleh sebab kawasan utara Perlis adalah bersempadan dengan selatan dengan Thailand, maka secara tidak

langsung terdapat pelat Siam di kawasan tersebut. Selain itu, di negeri Kedah juga terdapat beberapa perbezaan berdasarkan subkawasan. Misalnya, pertuturan dialek di kawasan Padang Terap dan Kuala Nerang berbeza sedikit dengan pertuturan di kawasan Jitra dan Alor Star. Oleh itu, dialek Kedah dapat dibahagikan kepada beberapa subdialek, iaitu subdialek Persisiran, subdialek Perlis-Langkawi, subdialek Kedah Utara, subdialek Tanjung dan subdialek Balik Pulau (Asmah 1985). Seterusnya, Asmah (1985) turut menjelaskan bahawa kadar perbezaan antara subdialek-subdialek tersebut adalah tidak sama, iaitu subdialek Balik Pulau (Pulau Pinang) boleh dianggap sebagai subdialek Persisiran dan diikuti dengan subdialek Tanjung, Kedah Utara dan subdialek Perlis-Langkawi. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian dialek Kedah yang dipertuturkan di semua daerah yang bersempadan dengan subdialek yang telah dinyatakan untuk melihat variasi leksikal yang wujud di setiap daerah kawasan kajian.

Menurut Nayan Nasir (2010), dalam kajiannya, *Sistem Maklumat Geografi* atau bahasa Inggerisnya ialah *Geographic Information System* (GIS), merupakan satu sistem maklumat yang diaplikasikan dalam konteks geografi dan turut diaplikasikan juga dalam bidang- bidang lain yang berkaitan dengan fenomena permukaan bumi. Penggunaan sistem maklumat geografi ini membantu dalam penghasilan sesuatu kajian pemetaan dengan lebih terperinci dan menarik. Sistem maklumat geografi akan berkait dengan teknologi komputer semasa. Menurut beliau lagi, aplikasi ini adalah sistem yang berasaskan komputer yang direka bentuk khas untuk menyokong perolehan, penyimpanan, pengolahan, penganalisisan dan pemaparan data-data. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2013), sistem maklumat ini merupakan satu pengisian geografi yang membantu menghasilkan taburan dialek dengan mengintergrasikan bahasa, geografi dan sosiologi penduduk. Melalui ilmu geografi ini, pengkaji akan dapat melihat pengaruh bentuk muka bumi terhadap pola penyebaran sesuatu dialek di negara ini. Misalnya faktor bukit bakau, sungai, banjaran, laut dan tanah pamah memperlihatkan penempatan penduduk dan pola interaksi penduduk. Clarke (1997) telah mencadangkan definisi umum, iaitu GIS sebagai data ruangan yang unik dan boleh dihubungkan kepada peta geografi. Secara ringkasnya, GIS boleh dikatakan sebagai sebuah pangkalan data, sebuah maklumat, dan caramenghubungkan kedua-dua pangkalan data

dan maklumat. Selain itu, alat bantu ini merupakan teknologi terkini yang membantu pengkaji dialek dalam menghasilkan peta berbanding peta lorekan yang dilorek sendiri seperti yang dikemukakan oleh pengkaji lepas. Tambahan pula, paparan peta ini lebih diakui kerana didapati secara terus melalui peta yang telah disediakan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa Sistem Maklumat Geografi (GIS) merupakan satu sistem yang direka untuk mengungkap, menyimpan, memanipulasi, menganalisis, mengurus, dan membentangkan semua jenis data geografi dan membantu menghasilkan peta yang dapat memberikan gambaran isoglos dan persempadan dialek dirakam secara saintifik. *Isoglos* ialah garis yang dilakar pada bahagian sekeliling satu kawasan yang mempunyai ciri-ciri sebutan, tatabahasa atau kosa kata tertentu yang serupa (Harimurti Kridalaksana 2008). Tambahan pula, isoglos sering digunakan bagi menentukan sempadan dialek. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013), isoglos ialah garisan yang dilukis pada peta untuk melingkungi kawasan yang mempunyai ciri linguistik yang sama.

Perubahan dari segi bunyi, bentuk makna dan juga susunan ayat akan berlaku sewaktu proses menghasilkan penurunan bahasa yang melibatkan generasi ke satu generasi lain. Setiap bahasa mempunyai kawasan pertuturnya yang seiring dengan kawasan tempat tinggal penuturnya.

Kawasan ini boleh meluas atau menyempit bergantung kepada penyebaran bangsa tersebut. Sekiranya bangsa tersebut berhijrah dan merentasi sesuatu kawasan lain yang luas, maka luaslah kawasan penyebaran bahasa berkenaan.

SOROTAN LITERATUR

Dalam dialek Kedah, Asmah menerangkan perihal subdialek Kedah Persisiran. Selain itu, Asmah juga menerangkan sistem vokal dan konsonan yang digunakan dalam dialek negeri tersebut. Di samping itu, Asmah turut melihat perbandingan subdialek Kedah Persisiran dengan subdialek Persisiran yang lain seperti Kedah Pesisiran dengan Kedah Utara dan bahasa standard. Selain itu, kajian ini turut membuat perbandingan antara dialek Kedah dengan dialek Petani Sik dan Petani Baling berdasarkan sistem vokal dan sistem konsonannya. Dapatkan kajian menunjukkan dialek Kedah sebenarnya mempunyai beberapa subdialek seperti subdialek Persisiran, Perlis- Langkawi, Kedah Utara, Tanjung,

dan Balik Pulau. Namun begitu, kadar perbezaan berbagai subdialek dengan subdialek Persisiran tidak sama. Tambahan lagi, persamaan sistem fonologi antara pertuturan di Pulau Langkawi dan Perlis Utara mengambarkan hubungan yang sentiasa terjalin sejak zaman silam walaupun dipisahkan oleh lautan. Subdialek Kedah Utara memperlihatkan adanya pengaruh dari sempadan, iaitu ada dua subdialek di Pulau Pinang yang kecil kawasannya yang disebabkan oleh penyelaan dari bahasa asing. Tambahan lagi, terdapatnya konsonan frikitif dalam subdialek Tanjung namun tidak pada subdialek yang lain. Seterusnya, kawasan Baling dan Sik merupakan antara kawasan sempadan di Kedah menunjukkan kawasan peralihan dialek. James T. Collins (1996) yang tidak lagi asing dalam dunia linguistik di Malaysia, khususnya dalam bidang dialek geografi. Beliau juga terkenal dengan kajian di rantau Asia Tenggara seperti Indonesia dan Brunei. Antara kajian yang dilakukannya ialah kajian tentang “Wilayah Dialek Kedah: Bukti dari Sumatera Utara”. Kajian yang dijalankan oleh Collins (1996) adalah sebagai semakan bukti, berkaitan dengan ‘bahasa Orang Laut’, sama ada dikategorikan dalam subdialek Kedah ataupun tidak. Kajian Collins telah membandingkan secara dasar antara dua dialek iaitu dialek Kedah dan “Bahasa Orang Laut” berdasarkan empat aspek utama, iaitu fonologi, morfologi, sintaksis dan kosa kata. Dapatkan kajian beliau menyatakan bahawa terdapat banyak persamaan antara dialek Kedah dengan bahasa Orang Laut. Ismail Dahaman et al. (1997) pula memfokuskan kepada Kedah. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mendokumentasikan kosa kata yang sedang dan telah digunakan oleh masyarakat Kedah.

Kaedah kajian yang digunakan adalah berpandukan kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Seterusnya, penyusunan dan pengeditan dilakukan melalui bengkel kerja secara terancang. Hasil dapatkan Ismail Dahaman et al. dalam kajian ini adalah sebanyak 747 kata masukan utama dialek Kedah yang dapat dikumpulkan. Di samping itu, maklumat yang dimasukkan ke dalam buku adalah kata masukan, transkripsi sebutan dialek Kedah, bentuk terbitan bagi kata masukan berserta dengan cara sebutannya, kelas kata, makna kata, contoh ayat dalam ayat dialek berserta sebutan ayat dialek tersebut dan padanan ayat dialek dalam bahasa Melayu baku. Pada waktu yang sama, ayat dialek dimasukkan untuk memberi gambaran kasar berkaitan dengan pola dan bentuk ayat dialek digunakan dan padanan yang diberikan dalam bahasa Melayu baku. Langkah

ini bertujuan membantu pembaca untuk memahami maksud ayat dalam dialek berkenaan. Kelas kata yang digunakan bagi menandakan sesuatu kata dialek adalah berdasarkan penggolongan kelas kata dalam buku *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* (1993). Namun begitu, kajian ini hanya mengkaji perbendaharaan kata dialek Kedah secara umum, iaitu yang dituturkan di Kedah, Pulau Pinang, Perlis dan Perak Utara tanpa memfokuskan kepada Negeri Kedah dengan lebih spesifik kepada daerah- daerah dan kampung- kampung di Kedah.

Kajian yang dijalankan oleh Zaliza Zubir dan Zuliana Zubir (2014) bertajuk ‘*Pengaruh Budaya Yang Mempengaruhi Wujudnya Perbezaan Penggunaan Dialek Di Kawasan Pendang, Kedah*’. Kajian ini bertujuan untuk melihat wujudnya pengaruh budaya yang mempengaruhi perbezaan penggunaan dialek di kawasan Pendang, Kedah. Antara pengaruh budaya tersebut termasuklah pengaruh pendidikan, perkahwinan, keagamaan, ekonomi, dan penjajahan. Selain itu, kajian yang dijalankan juga turut menganalisis fonologi dalam dialek Charok Kudung, yang berlaku akibat kemasukan dialek atau bahasa Patani yang masih digunakan oleh penduduk di kampung itu terutamanya dalam kalangan golongan dewasa. Penggunaan dialek Charok Kudung ini merupakan salah satu tempat yang masih kuat pengaruh dialeknya. Pelaksanaan kajian tersebut telah dilakukan di dua buah kampung, iaitu Kampung Bukit Jambol dan Kampung Charok Kudung yang terletak di kawasan Pendang, Kedah. Kajian tersebut membincangkan aspek fonem vokal dan konsonan. Secara keseluruhannya dialek Charok Kudung mempunyai lapan fonem vokal dan 21 fonem konsonan.

Seterusnya kajian Harishon Radzi et al. (2018) pula melihat kepada tahap pemahaman leksikal kata kerja dialek Melayu Kedah di Pulau Tuba dan Satun. Kajian ini memaparkan Satun pada suatu masa dahulu pernah berada di bawah naungan Kerajaan Sultan Kedah. Menurut Ahmad Omar Chapakia (2003), Satun merupakan salah satu negeri yang berasal daripada sebahagian negeri Kedah. Secara tidak langsung, Dialek Melayu Kedah (DMK), terutamanya di Langkawi juga mempunyai pengaruh dialek yang sama akibat daripada perjanjian Siam-British di Bangkok yang berlaku pada tahun 1909. Oleh itu, perbincangan dalam kajian yang dilakukan berasaskan sosiokognitif yang berfokuskan kepada lokasi, umur, jantina dan tahap pendidikan penuturnya. Lanjutan kajian

adalah untuk menganalisis tahap pemahaman leksikal dengan menggunakan analisis *Vocabulary Recognition Task* (VTR) DMK di kedua-dua lokasi. Tahap pemahaman penutur terhadap leksikal DMK sangat berkait rapat dengan latar belakang sosio dan kognitifnya.

Kajian James T. Collins (1983) yang memberi tumpuan kepada dialek geografi, iaitu ‘Dialek Ulu Terengganu’. Beliau menjadikan kawasan Ulu Terengganu sebagai fokus kawasan kajiannya dengan melihat kepada penggunaan dialek oleh penutur di kampung-kampung sekitar Kuala anak sungai, di simpang jalan kampung dan juga kampung-kampung di sebalik bukit dan hutan. Menurut Collins (1983), kajian dialek di Ulu Terengganu jarang diteliti meskipun daerah ini sudah lama didiami oleh orang Melayu, dan sekiranya ada hanya, kajian-kajian tersebut dilihat sebagai kajian yang kurang mantap walaupun daerah Ulu Terengganu ini merupakan daerah yang terkenal dengan kelainan dialeknya berbanding daerah lain di Terengganu. Melalui kajian yang dijalankan, Collins (1983) turut membincangkan berkenaan sistem bunyi dan morfosintaksis dalam dialek di Ulu Terengganu. Collins (1983) telah mengemukakan pelbagai fenomena tatabunyi yang didasari oleh dialek di Ulu Terengganu. Pemaparan data dan perbincangan dilakukan dengan membuat perbandingan bunyi-bunyi bahasa yang diwakili oleh satu-satu kawasan, iaitu melibatkan perbezaan maupun persamaan yang wujud.

Kajian selanjutnya adalah kajian Rohani Mohd Yusof (1986), yang merupakan antara pengkaji yang menjalankan kajian dialek Perak yang bertajuk “Dialek Geografi Kuala Kangsar: Satu Kajian”. Kajian yang dilakukan hanya tertumpu kepada kawasan Kuala Kangsar sahaja. Hal ini kerana menurut beliau daerah Kuala Kangsar merupakan kawasan berlakunya peralihan dialek. Beliau menumpukan aspek perubahan fonologi bagi kawasan yang dikaji. Kesemua perubahan yang berlaku adalah kesan pengaruh gejala tertentu yang ditandai di atas peta. Menurut beliau, kehadiran vokal dan juga konsonan akan menjadi penentu persamaan atau perbezaan mengikut kawasan. Hal ini kerana subdialek Kuala Kangsar mempunyai ciri-ciri percampuran dengan dialek luar. Misalnya, perkataan yang berakhir dengan /as#/ pada akhir kata akan menjadi /-ah#/ dalam subdialek Kuala Kangsar. Menurutnya, walaupun /ah#/ ini sama dengan dialek Kelantan atau dialek Patani, namun disebabkan faktor peredaran masa

dan juga kebiasaan pengguna dalam kalangan penutur subdialek Kuala Kangsar, maka persamaan ini tidak lagi dirasakan sebagai pengaruh luar. Selain itu, beliau turut melihat bentuk-bentuk dan pengaruh peminjaman yang ada bagi memperlihatkan penerimaan masyarakat tempatan dalam kebudayaan mereka. Hasil kajian turut mencatatkan tentang berlakunya sistem pertuturan formal, unsur-unsur asing telah menyerap secara meluas ke dalam sistem pertuturan masyarakat setempat.

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Tarmizi et al. (2012) yang bertajuk ‘Variasi Dialek Pahang: Keterpisahan Berasaskan Aliran Sungai’ turut memfokuskan kepada dialek geografi. Kajian ringkas yang dilakukan tidak membicarakan dialek Pahang secara umum tetapi hanya menumpukan kepada dialek Pahang yang berlokasi di Hulu Pahang. Data yang digunakan oleh pengkaji diperoleh daripada lima buah kampung yang berada di kiri dan kanan Sungai Jelai dan Sungai Lipis. Kajian ini menetapkan kawasan kajian kepada kelompok kajian dialek geografi. Melalui kajian ini juga, pengkaji turut membincangkan berkaitan dengan sistem vokal dialek Hulu Pahang dan perkembangannya dari vokal Melayik Purba (MP). Menurut pengkaji, terdapat enam vokal dalam dialek Hulu Pahang iaitu /i/, /e/, /a/, /u/ dan /o/ yang terdiri daripada vokal depan, vokal tengah dan juga vokal belakang. Terdapat dua vokal depan dalam dialek Hulu Pahang, iaitu /i/ dan /e/. Selain itu, Teerarojanarat dan Tingsabadh (2011) antara pengkaji luar negara yang telah melakukan kajian dialek menggunakan perisian GIS tajuk “A GIS-Based Approach for Dialect Boundary Studies”. Artikel tersebut merupakan hasil kajian mereka mengenai sempadan dialek dengan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang telah dilakukan di Thailand. Tujuan kajian ini adalah untuk mendedahkan masyarakat luar bahawa GIS boleh digunakan bagi membantu meningkatkan kualiti lukisan peta sempadan bahasa dalam sesuatu daerah, negeri, atau negara. Kedua-dua pengkaji ini telah melakukan kajian mengenai sempadan dialek yang dilakukan di seluruh negara Thailand. Menurut mereka, melukis sempadan dialek tidaklah mudah. Hal ini demikian kerana akan berlaku kerumitan dalam melaksanakan yang secara umumnya disebabkan oleh dua faktor iaitu sifat bahasa dan teknik pemetaan tradisional. Sifat bahasa yang dimaksudkan adalah suatu peralihan dari suatu dialek yang lain yang sering berlaku secara beransur-ansur dan bukannya mendadak. Teknik peta tradisional pula adalah hal-hal yang

berkaitan dengan sesuatu kawasan yang dikaji. Kebiasaannya, teknik tindihan telah digunakan secara manual, iaitu menindih bentuk peta pada kertas dan melukis sempadan antara dialek. Oleh itu, mereka telah membentangkan alternatif lain dalam menghasilkan peta, iaitu menggunakan GIS. Pendekatan berdasarkan GIS dalam teknik pemetaan telah digunakan untuk mengurangkan kesilapan dan penyelewengan dalam proses melukiskan sempadan. Data bahasa yang digunakan mereka adalah dalam bentuk leksikal yang diambil melalui soal selidik.

Selanjutnya, Teerarajanarat dan Tingsabdh (2011) menelti tentang penggabungan ilmu dalam bidang linguistik dan bidang geografi. Mereka telah menggunakan alat GIS untuk mengukur perubahan dialek pada dua titik pada masa yang berbeza. Hasil yang diperoleh amat memberangsangkan serta memberi sumbangan baru kepada bidang linguistik. Peranan GIS ini tidak dapat dinafikan kerana kajian tersebut menunjukkan potensi yang begitu besar dalam memajukan pemahaman pembaca. Mereka juga mendapati bahawa GIS merupakan aplikasi yang memudahkan alatruang dan fungsi, terutamanya untuk kartografi yang memaparkan dan kuantifikasi perubahan dialek. Penggunaan GIS ini boleh menghasilkan pelbagai pandangan yang berbeza daripada peta. Hal ini kerana mereka dapat memahami dengan lebih baik cara untuk melihat corak ruang variasi leksikal dan peralihan dialek yang berlaku.

Pengkaji dari Jepun pula yang telah menghasilkan kajian menggunakan GIS ialah Takuichiro Onishi (2010). Beliau membincangkan tentang kemajuan teknologi kini yang digunakan oleh para pengkaji di Jepun, melalui artikelnya “*Analyzing Dialectological Distribution of Japanese*”. Perbincangan beliau adalah mengenai penganalisisan setiap taburan geografi dengan memberi tumpuan kepada jarak-jarak dan ciri-ciri topografi. Menurut pengkaji, GIS ini merupakan alat yang banyak membantu kerana perisian ini telah terbukti dapat memberikan maklumat geografi yang tepat dan jelas. Hal ini kerana GIS adalah perisian yang berdasarkan perbandingan antara data geografi dan data bahasa yang merupakan satu bidang baharu. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji di kawasan timur Jepun, didapati bahawa bentuk standard yang digunakan adalah lebih menarik apabila kawasan tersebut mempunyai kepadatan penduduk yang paling tinggi yang menepati ciri-ciri sebuah bandar. Hubungan

di antara data bahasa dan data bukan bahasa yang digabungkan melalui GIS telah menghasilkan taburan dialek yang sempurna kerana mewujudkan ciri-ciri demografi yang jelas dan tepat. Harishon Radzi et al. (2013), melalui kajiannya “*Geolinguistics study on lexical and phonology dialect variation in North Perak, Malaysia*” adalah berkaitan dengan penyediaan dalam menghasilkan pemetaan variasi leksikal dan fonologi dialek yang terdapat di Perak Utara dengan lebih baik. Pengkaji berpendapat bahawa rata-rata kajian-kajian tentang dialek geografi di Malaysia menggunakan kaedah tradisional untuk menghasilkan peta. Hal ini kerana kebanyakan penghasilan peta dilukis secara manual dalam menentukan dialek sempadan atau isoglos. Pengkaji beranggapan bahawa kaedah lukisan ini secara saintifiknya tidak sesuai kerana isoglos yang dihasilkan tidak jelas dan samar-samar. Menurut mereka, dengan menggunakan kaedah moden, pendekatan seperti geolinguistik telah membawa kepada penemuan yang menjadi penawar kepada masalah ini. GIS dapat dimanfaatkan dalam pembinaan garis tepat isoglos bagi variasi leksikal dan taburan ruangan.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan untuk meneliti variasi leksikal ‘ular’ yang dituturkan oleh masyarakat negeri Kedah berdasarkan kaedah kajian lapangan di negeri Kedah.

SUMBER DATA

Kawasan kajian yang dipilih untuk kajian dialek ini ialah negeri Kedah Darul Aman. Pemilihan kawasan tersebut ialah bentuk muka bumi yang berkemungkinan mewujudkan pengaruh Siam dalam dialek Kedah kerana faktor persempadanan dan sejarah. Hal ini demikian kerana kedudukan negeri Kedah terutamanya di daerah Sik yang bersempadanan dengan negara jiran, iaitu Thailand. Di samping itu, sejarah Siam yang pernah menjajah dan mengawal negeri Kedah memungkinkan wujudnya varian daripada dialek Siam dalam dialek di daerah Sik. Buktinya, mengikut Asmah Haji Omar (1985), pada tahun 1821 negeri Siam pernah menakluk Kedah. Hal ini memungkinkan wujudnya pengaruh Siam di Kedah. Rajah 1, menunjukkan peta dan nama daerah terlibat di negeri Kedah sebagai kawasan kajian.



RAJAH 1. Titik kampung bagi kawasan kajian di negeri Kedah

Menurut Asmah Hj Omar (2002), kaerah lapangan merujuk kepada tempat sesuatu fenomena yang hendak dikaji, yang menyediakan maklumat kajian untuk ditafsir berpandukan objektif kajian. Tambah beliau lagi, kaerah lapangan boleh berbentuk kampung atau sebahagian kampung bagi komuniti atau penutur bahasa berada, sekolah, hospital, kedai, pasar tani, pejabat, kilang, masjid, rumah dan sebagainya. Kesemua tempat ini mempunyai pengguna bahasa yang boleh membantu dalam memberi maklumat kajian penulis berdasarkan kajian yang dijalankan. Sulaiman (2005) menjelaskan bahawa kajian lapangan merupakan strategi penyelidikan yang paling sesuai untuk meneroka sesuatu bidang kajian. Strategi

ini dapat mendedahkan segala gejala sebenar yang berlaku dalam masyarakat tertentu secara mendalam. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan atau kaerah kajian lapangan kerana kaerah ini penting bagi mendapatkan data dialek Melayu Kedah yang sebenar. Malah, kaerah lapangan merupakan kaerah pengumpulan data primer atau data pertama yang diperoleh secara langsung dan terus daripada responden kajian.

Dalam kajian ini, penulis akan membahagikan kepada tiga proses utama, iaitu:

1. Proses sebelum ke kajian lapangan
2. Proses semasa menjalankan kajian lapangan
3. Proses selepas menjalankan kajian lapangan



RAJAH 2. Proses penyelidikan lapangan

Dalam kajian ini penulis telah menetapkan tiga jenis golongan responden, iaitu golongan remaja yang berumur 15–25 tahun, golongan dewasa yang berumur 25–55 tahun dan golongan tua yang berumur 56 tahun dan ke atas. Rasionalnya pemilihan ketiga-tiga jenis golongan ini adalah untuk melihat varian kata ‘ular’ yang digunakan oleh masyarakat di negeri tersebut. Ajib Che Kob (1995) menjelaskan bahawa golongan tua lebih gemar menggunakan dialek kawasannya berbanding dengan golongan muda seperti remaja dan kanak-kanak. Hal ini berlaku kerana wujudnya pengaruh semasa seperti pendidikan dan media sosial yang diterima oleh golongan muda atau dikenali juga sebagai generasi Z. Manakala, golongan dewasa

lebih ke arah golongan tua kerana golongan dewasa kurang mendapat pendidikan formal malah ada juga yang tidak mendapat pendidikan langsung. Hal ini dapat dibuktikan menurut kenyataan Rohani Mohd. Yusof pada tahun 1986. Menurutnya, hanya golongan yang berusia 30 tahun ke atas sahaja dipilih kerana didapati golongan ini kurang mendapat pendidikan lebih formal atau tiada pendidikan langsung.

ANALISIS DATA

Kajian ini akan memaparkan hasil kajian variasi leksikal ‘ular’ yang dituturkan oleh masyarakat di negeri Kedah.

JADUAL 1. Peratusan penggunaan varian bunyi dan leksikal ‘ular’

Bil.	Daerah	Bilangan	Variasi Leksikal “Ular” Di Negeri Kedah				
		Variasi	L1 -ula	L2- ulaſ	L3 -ulo	L4- ju	L5- ulijaſ
(L1)	(L2)	(L3)	(L4)	(L5)			
1. Baling	3	/	/	/	/		
2. Bandar Baharu	1		/				
3. Kota Star	2	/	/				
4. Kuala Muda	2		/			/	
5. Kubang Pasu	4		/	/	/	/	
6. Kulim	3	/	/				
7. Padang Terap	3	/	/	/			
8. Pendang	4		/	/	/	/	
9. Pokok Sena	3	/	/	/			
10. Sik	3	/	/	/			
11. Yan	1		/				
Peratusan (%)		55	100	55	18	18	

Jadual 1 memaparkan peratusan penggunaan varian bunyi dan leksikal ‘ular’ yang ditemui di sebelas buah daerah di negeri Kedah. Berdasarkan jadual tersebut mendapat bahawa leksikal “ular” memperlihatkan penggunaan lima varian berbanding leksikal lain yang dikaji dalam leksikal soal selidik yang ditemui dalam kalangan penutur dialek Melayu di negeri Kedah. Varian bagi leksikal ‘ular’ yang ditemui tersebut ialah L1 [ula], L2 [ulaſ], L3 [ulo], L4 [ju] dan L5 [ulijaſ]. Penulis mendapat bahawa daerah Kubang Pasu dan Pendang memperlihatkan penggunaan varian yang paling banyak berbanding daerah-daerah lain di negeri Kedah, iaitu sebanyak empat varian. Di daerah Kubang Pasu menunjukkan empat varian iaitu L2 [ulaſ], L3 [ulo], L4 [ul] L5 [ju]. Bagi daerah Pendang pula empat varian ditemui iaitu L2 [ulaſ], L3 [ulo], dan L5 [ju]. Bagi daerah Baling, Kulim, Padang Terap, Pokok Sena

dan Sik pula, didapati masing-masing menggunakan tiga varian bagi merujuk leksikal ular. Tiga varian yang sama ditemui di Baling, Padang Terap, Pokok Sena dan Sik, iaitu L1 [ula], L2 [ulaſ] dan L3 [ulo]. Di daerah Kulim juga ditemui tiga varian, namun berbeza satu varian dengan keempat-empat daerah yang lain, iaitu L1 [ula], L2 [ulaſ], L4 [ul]. Bagi daerah Kota Star dan Kuala Muda masing-masing ditemui dua varian, iaitu bagi daerah Kota Star, L1 [ula], L2 [ulaſ] dan daerah Kuala Muda pula ialah L2 [ulaſ]. Seterusnya terdapat dua daerah yang ditemui menggunakan satu varian, iaitu varian L2 [ulaſ] yang masing-masing mewakili daerah Bandar Baharu dan daerah Yan. Bagi mendapatkan gambaran mengenai peratusan penggunaan variasi leksikal ‘ular’ di negeri Kedah, dibawakan carta pai seperti Rajah 3.



RAJAH 3. Peratusan variasi leksikal “Ular” di negeri Kedah

Berdasarkan Rajah 3.0 dapat dilihat bahawa peratusan kekerapan penggunaan variasi dialek Melayu bagi leksikal ‘ular’ di negeri Kedah. Peratusan kekerapan penggunaan variasi bagi leksikal /ular/ di kawasan kajian menunjukkan varian L2 [ulaɸ] mendapat peratusan yang tertinggi berbanding dengan variasi yang lain, iaitu sebanyak 100% dan didapati juga kesemua daerah di negeri Kedah menggunakan varian [ulaɸ] sebagai varian yang utama berbanding varian lain. Seterusnya, varian kedua tertinggi (55%) pula ialah L1 [ula] dan L3 [ulɔ]. Walaupun kedua-dua varian ini dilihat jauh perbezaan penggunaannya dengan varian L1 [ulaɸ] namun varian ini juga dilihat sangat signifikan penggunaannya dalam kalangan penutur dialek Melayu di beberapa buah daerah di negeri Kedah. Bagi varian L4 [nu] dan L5 [ulijɑɸ] masing-masing mewakili 18% penggunaannya dalam kalangan penutur dialek Melayu di negeri Kedah. Oleh itu, hal ini menunjukkan bahawa dominasi penggunaan varian asli Melayu Kedah, iaitu [ulaɸ] yang merujuk kepada leksikal ‘ular’ masih lagi utuh serta turut mengekalkan identiti dialek Melayu asli Kedah selain daripada kewujudan varian yang lain. Bagi menghuraikan perbincangan lebih lanjut keenam-enam leksikal ‘ular’ ini akan dipaparkan dalam bentuk pemetaan berbantuan GIS dalam bahagian analisis geolingistik.

ANALISIS FONOLOGI

Bahagian ini membincangkan secara umum tentang kepelbagaiannya varian bunyi leksikal yang wujud

dalam dialek Melayu di Kedah dengan meneliti perilaku perubahan fonologi dalam leksikal ‘ular’.

VARIAN BUNYI ‘ULAR’

Dalam perbincangan ini, leksikal ‘ular’ diteliti bagi melihat perilaku dalam dialek Melayu di Kedah. Berdasarkan jadual varian fonologi bagi leksikal ‘ular’, ditemui sebanyak lima (5) varian bunyi bagi leksikal ‘ular’, iaitu L1 [ula], L2 [ulaɸ], L3 [ulɔ], L4 [nu] dan L5 [ulijɑɸ] dalam kalangan penutur dialek Melayu di Kedah.

VARIAN [ULAɸ]

Varian bunyi [ulaɸ] merupakan sebutan asli subdialek Melayu Kedah Persisiran keranamenggantikan bunyi getaran /r/ di akhir kata dengan bunyi frikitif faringeal [ɸ]. Kenyataan ini juga sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Ismail Dahaman et al. (1997), Zaharani (2006) dan Noriah (2004) mengenai kelainan sebutan fonem /r/ di akhir kata dalam dialek Kedah yang mengubah bunyi faringeal [ɸ]. Tetapi bagi bunyi /r/ di awal dan di tengah kata pula akan dilafazkan dengan bunyi seakan-akan bunyi ghain dalam bahasa Arab, namun bunyi frikitif uvular diwujudkan seperti ghain yang lebih ‘dalam’ daripada frikitif velar. Oleh sebab itu, ditemui banyak penggunaan varian ini di beberapa kawasan dalam negeri Kedah. Malah, varian ini juga turut tersenarai sebagai salah satu leksikal dalam daftar kata dialek Melayu Kedah (Ismail Dahaman et al. 1997). Dari sudut fonologi, rumus faringealisasi yang diformulasikan seperti berikut:

- | | | |
|-------------------------|---|-------------------------------------|
| 1. Input | : | /ular/ |
| 2. Rumus Faringealisasi | : | ulaɸ, r ɸ / # |
| 3. Output | : | [ulaɸ] |

VARIAN [NU]

Varian [nu] merupakan sebutan bahasa Thai atau Siam yang membawa maksud ‘ular’. Varian ini ditemui di beberapa kampung di daerah Kubang Pasu. Keadaan ini disebabkan faktor sejarah, iaitu apabila sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua, terdapat penghijrahan secara besar-besaran dari

Selatan Thailand ke daerah Kubang Pasu (Asmah, 2008). Terdapat perkampungan orang-orang Melayu yang asalnya dari Thailand Selatan, yang bahasa pertama mereka (iaitu generasi pertama penghijrahan tersebut) ialah bahasa Thai Selatan. Tiada perubahan proses fonologi yang terlibat menerbitkan varian ini kerana [nu] merupakan perkataan lain daripada /ular/, namun membawa maksud yang sama:

1. Input : /ju/
2. Rumus Faringealisasi : [ju]

VARIAN [ULA]

Varian bunyi [ula] merupakan varian yang berpengaruh daripada dialek Patani Baling (Asmah, 2008). Perbendaharaan konsonan dalam dialek Patani Baling sama dengan perbendaharaannya dalam dialek Kedah. Walau bagaimanapun, perbezaan antara kedua-dua dialek itu terletak pada pengucapan konsonan-konsonan tertentu dan juga distribusinya.

Misalnya, konsonan frikatif velar **r** hanya terdapat dalam lingkungan sebelum dan antara vokal. Dalam lingkungan akhir kata, konsonan ini dihilangkan. Pada umumnya, proses ini tidak melibatkan perubahan vokal sebelumnya, tetapi ada juga beberapa contoh yang menunjukkan perubahan tersebut. Dari sudut fonologi, kemunculan variasi ini dikawal oleh satu (1) rumus, iaitu rumus pengguguran Getaran /r/ yang diformulasikan seperti yang berikut:

1. Input : /ular/
2. Rumus Pengguguran Getaran /r/ : ula
3. Output : [ula]

VARIAN [ULɔ]

Varian bunyi [ulɔ] merupakan varian yang menerima pengaruh dialek Patani Baling. Dari segi linguistik, masyarakat Melayu Thai ini lazimnya menggunakan perkataan ekasuku kata, bunyi vokal

belakang luas /ə/ sering hadir sebagai nukleus seperti perkataan /tikar/ menjadi /ti.kə/ serta /ayah/ menjadi [a.jəh] dan sebagainya (Esayah, 1999). Dari sudut fonologi, kemunculan variasi ini dikawal oleh rumus pembelakangan vokal yang diformulasikan seperti berikut:

4. Input : /ular/
2. Rumus Faringealisasi : /ula/ /r/Ø /_____#
3. Output : [ula]

VARIAN [ULIJɑf]

Varian [ulijaֆ] pula merupakan varian gabungan dialek Melayu Kedah dengan Thai. Dari sudut fonologi varian ini memiliki ciri-ciri dialek Melayu Kedah kerana terdapatnya proses pengguguran konsonan di suku kata terakhir. Varian ini didapati menggugurkan sebutan bunyi /r/ di akhir kata dan digantikan dengan bunyi frikatif faringeal [ֆ]. Ciri-ciri ini merupakan ciri-ciri bagi dialek Melayu Kedah, manakala kewujudan /j/ pada sebutan


[ulijaֆ] telah menerima pengaruh nada dalam varian ciri-ciri pengaruh Thai. Adriana Santa (2022). Hal ini sejajar juga dengan kenyataan Nor Hashimah et. al (2020) mengenai ciri-ciri dialek Satun. Oleh hal yang demikian terdapat juga proses-proses lain seperti proses penyisipan vokal tinggi /i/, dan proses penyisipan geluncuran /j/. Gabungan proses-proses fonologi ini telah membentuk varian bunyi [ulijaֆ]. Proses fonologi yang terlibat bagi menerbitkan varian ini adalah seperti yang berikut:

1. Input : /ular/
2. Rumus Penyisipan vokal tinggi i /uliar/ : Ø → i /_____vk#
3. Rumus Penyisipan geluncuran j /ulijar/ : Ø → j /v_____v
4. Rumus Pengguguran getaran r /ulija/ : /r/ → Ø /_____#
5. Rumus Pemfaringgalan f /ulijaֆ/ : /r/ → f / _____#
6. Ouput : [ulijaֆ]

PEMETAAN VARIAN LEKSIKAL ‘ULAR’

Berdasarkan data yang diperoleh, dapat dikenal pasti, terdapat lima (5) varian yang merujuk kepada leksikal ‘ular’ dalam kalangan penutur di negeri Kedah. Antara varian tersebut ialah [ula], [ula^f], [ulɔ], [nu] dan [ulijəf]. Kehadiran varian-varian ini adalah disebabkan oleh faktor ruang geografi di

kawasan tersebut, sama ada membuka atau menutup ruang geografi di kawasan sekitarnya Nor Hashimah et. al (2020). Peta isoglos bagi leksikal ‘ular’ di bawah memaparkan kawasan penyebaran varian-varian bagi leksikal ‘ular’ beserta dengan taburan bentuk muka bumi yang terdapat dalam negeri Kedah. Rajah 4.0 menunjukkan peta peta isoglos varian ‘ular’ di negeri Kedah.



RAJAH 4. Varian bagi leksikal “ular” dalam kalangan penutur penutur di negeri Kedah

VARIAN BUNYI [ULDf]

Jika dilihat secara keseluruhannya, varian [ula^f] merupakan varian tertinggi dan paling banyak dituturkan oleh penduduk negeri Kedah meliputi keseluruhan daerahnya. Hal ini demikian kerana penyebaran varian asli subdialek Melayu Kedah Persisiran [ula^f] pula dapat dilihat pengaruhnya sehingga ke semua kampung dalam daerah Kedah Persisiran. Varian bunyi [ula^f] merupakan sebutan asli subdialek Melayu Kedah Persisiran kerana menggantikan bunyi getaran /r/ di akhir kata dengan bunyi frikatif faringeal [f].

Kenyataan ini juga sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Ismail Dahaman et al. (1997), Zaharani (2006) dan Noriah (2004) mengenai Kedah yang mengubah bunyi faring [f]. Walau bagaimanapun bagi bunyi /r/ di awal dan di tengah kata pula akan dilafazkan dengan bunyi seakan-akan bunyi ghain dalam bahasa Arab, hanya bunyi frikatif uvular diwujudkan seperti ghain yang lebih ‘dalam’ daripada frikatif velar. Hal ini kerana bentuk muka bumi daerah Kulim hingga ke Kota

Setar merupakan kawasan yang rendah dan bertanah pamah memudahkan serta membuka ruang kepada subdialek Melayu Kedah Persisiran untuk tersebar di kawasan ini. Di dalam daerah ini juga terdapat dua buah sungai yang dikenali sebagai Sungai Kedah dan Sungai Baharu. Sungai ini mengalir melalui Alor Setar dan mengosong ke dalam Selat Melaka di Kuala Kedah. Sungai ini merupakan sungai yang terbesar dan terpanjang di negeri Kedah. Pada zaman dahulu, sungai ini dianggap sebagai sungai yang terpenting hubungannya dengan negara luar. Raja-raja yang memerintah negeri Kedah telah memilih tempat-tempat yang hampir dengan tebing Sungai Kedah untuk membuat pusat pemerintahan kerana kemudahan perhubungan melalui sungai. Kebanyakan perkampungan di daerah ini menuturkan dialek asli Melayu Kedah yang dikenali sebagai subdialek Kedah Persisiran. Walaupun begitu, di kawasan timur daerah seperti Baling, Sik, Padang Terap menunjukkan penggunaan varian [ula] lebih domain berbanding varian [ula^f] atas faktor perpindahan orang-orang Petani telah menjadikan daerah tersebut sebagai kawasan peralihan antara

dialek yakni antara dialek Kedah dan dialek Petani. Walau bagaimanapun, terdapat kampung-kampung yang menjadi kawasan pertembungan antara dialek tersebut, iaitu golongan yang menuturkan dialek Kedah, golongan penduduk yang lain menuturkan dialek Petani dikenali sebagai pelet petani dan juga tidak mengetepikan kenyataan bahawa terdapatnya penduduk yang mencampuradukkan kedua-duanya.

Berdasarkan peta isoglos, penyebaran penggunaan varian [ula] berlaku ke atas enam buah daerah, iaitu daerah Kulim, Baling, Sik, Padang Terap, Kota Setar dan Pokok Sena. Varian [ula] ini dipengaruhi oleh sebutan dialek Petani ke atas kampung-kampung yang dikaji. Hal ini demikian kerana Kedah bersempadan dengan negara Thailand dan telah berlakunya penyebaran dialek Melayu Thai di Kedah. Sejarah perperangan yang panjang di antara Kedah dan Thailand berlaku sehingga adanya campur tangan Inggeris yang akhirnya membawa kepada pembahagian kawasan di antara Kedah dan Thailand. Pada akhir abad ke-13, Thailand telah menyerang Kedah. Maka, bermulalah sejarah kedatangan orang Thai ke atas Kedah secara beramai-ramai dan menetap di kawasan berhampiran dengan sempadan Kedah-Thailand dan mereka bermastautin di kawasan luar bandar.

Hal yang demikian ini menunjukkan bahawa varian penggunaan [ula] merupakan varian kedua yang tertinggi penggunaan dalam kalangan masyarakat Melayu di negeri Kedah. Berpandukan kepada peta isoglos, penyebaran [ula]. Berdasarkan kajian yang dibuat. Penulis mendapati bahawa pengaruh dialek Petani di beberapa daerah turut mempengaruhi varian tersebut. Bagi daerah Sik, wujudnya subdialek yang dituturkan di daerah tersebut. Sebagai contoh, orang-orang Melayu Kedah termasuk dalam penggunaan subdialek kedah Persisiran. Hal ini berlaku kerana terdapat orang Patani yang menyeberang sempadan untuk bermastautin di daerah Sik. Oleh itu, terdapatnya perbandingan sistem fonologi antara dialek Petani Sik (DPS) dengan dialek Kedah (DK). Dari segi sistem konsonan, kedua-dua dialek berkenaan berbeza dalam pewujudan “r”. Dalam dialek Kedah, Persisiran huruf tersebut mempunyai pewujudan sebagai frikatif uvular R. Namun begitu, dalam dialek Petani Sik dikenali sebagai frikatif ‘r’. Misalnya dalam dialek Petani Sik, r kata dihilangkan tanpa digantikan dengan sebarang konsonan lain.

Dalam hal ini subdialek ini memperlihatkan persamaan dengan bahasa standard kelainan pepet (Asmah 2008). Pengaruh sistem vokal tersebut

telah mempengaruhi leksikal penggunaan kata ular menjadi ula, iaitu konsonan r pada akhir kata dihilangkan tanpa digantikan dengan sebarang konsonan lain.

Seterusnya penggunaan varian [ula] di daerah Baling. Daerah Baling merupakan antara daerah yang memperlihatkan kemasukan orang-orang yang berasal dari Patani menyeberang sempadan untuk bermastautin di daerah tersebut. Loghat Patani yang dituturkan di Baling merupakan subdialek dari dialek Patani yang dituturkan juga di Thailand dan Hulu Perak. Di daerah Baling mengalami sendiri penutur-penutur dialek Patani yang melahirkan perbezaan-perbezaan dalam tuturan mereka antara satu sama lain, baik dalam beberapa aspek bunyi bahasa. Perbezaan-perbezaan itu dengan sendirinya menimbulkan sekurang-kurangnya dua subdialek Petani Baling, iaitu subdialek luaran dan subdialek pedalaman. Subdialek luaran dituturkan di Kawasan di sekitar bandar, sedangkan subdialek pedalaman dituturkan di kawasan yang jauh dari bandar, yakni di pedalaman. Lantaran daripada perbezaan tersebut, adanya penutur di daerah Baling menggunakan varian [ulaɸ] dan [ulɔ]. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada konsonan frikatif ‘r’ hanya terdapat dalam lingkungan sebelum dan antara vokal. Dalam lingkungan akhir kata konsonan ini dihilangkan sama seperti yang berlaku dalam dialek Petani Sik.

Bukti linguistik ini juga disokong oleh persebaran geografi dan bukti sejarah. Dari segi geografi, ketiga-tiga dialek ini dituturkan di kawasan yang bertalian iaitu di sepanjang pantai timur Semenanjung Malaysia, bermula dari wilayah Patani di selatan Thailand menyusur ke Kelantan dan seterusnya menjalar ke sepanjang pantai Terengganu dan Pahang sehingga ke Mersing di Johor. Kawasan yang datar menjalar di sepanjang pantai ketiga-tiga negeri ini cukup kondusif dalam melahirkan satu kontinum dialek. Keadaan geografi sebegini memudahkan pergerakan atau pemindahan atau komunikasi antara penduduk di ketiga-tiga kawasan ini. Dari segi sejarah pula, ketiga-tiga kawasan ini pada suatu ketika dahulu terletak di bawah satu pemerintahan kerajaan Melayu yang besar berpusat di Patani dan dikenali sebagai kerajaan Melayu Patani Besar (Ahmad Fathy Al-Fatani 1994).

VARIAN BUNYI [ULɔ]

Berdasarkan peta isogloss di atas, didapati penyebaran [ulɔ] terdapat di daerah Baling, Kubang Pasu, Padang Terap, Pendang, Pokok Sena dan

Sik. Varian [ulo] ini juga menerima pengaruh sebutan dari Thai. Hal ini demikian kerana, sejarah perperangan di antara Kedah dan Thai yang begitu panjang telah menyebabkan kedatangan orang Thai ke negeri Kedah dan menetap di sini. Maka tidak hairanlah jika masyarakat Thai ini ditemui di Padang Terap, Kubang Pasu, Sik dan Baling, iaitu daerah yang bersempadan secara fizikal dengan Thai. Begitu juga dengan Satun. Asalnya Satun adalah wilayah Kedah tetapi dengan adanya perjanjian antara kedua-dua wilayah ini, Satun dimasukkan di bawah Thai (Nor Hashimah 2017). Terdapat empat daerah yang berjiran dengan thai iaitu, Sik, Baling, Kubang Pasu dan Padang Terap. Begitu juga dengan daerah Langkawi. Meskipun Langkawi terpisah dengan laut dari Satun, Thai tetapi faktor sejarah dan juga hubungan kekerabatan dengan Satun memperlihatkan adanya pengaruh dialek Melayu Thai di Langkawi. Melalui kajian lapangan yang dilakukan, penulis mendapati bahawa varian [ulo] dan [ula] telah menerima pengaruh dialek Melayu Thai. Berdasarkan pengaruh dialek tersebut, dapat disimpulkan bahawa adanya penyebaran dialek Melayu Petani dan dialek Melayu Satun. Jika diteliti dalam peta Kedah, daerah yang berdekatan dengan Langkawi pula ialah Kubang Pasu berbanding di kawasan daerah yang berdekatan dengan Patani di sebelah Timur.

Namun begitu, penulis tidak mengetepikan selain faktor bentuk muka bumi, faktor lain seperti perkahwinan dan perpindahan turut menyumbang kepada penyebaran dialek Melayu Satun itu ke dalam daerah lain. Hal ini demikian kerana, berdasarkan data yang diperolehi, ada masyarakat di daerah tersebut yang menggunakan pakai lebih daripada satu varian. Meskipun varian [ula] dan [ulo] ini daripada segi peratusnya sama, iaitu penggunaan varian yang lebih daripada satu menunjukkan bahawa terdapatnya pengaruh bagi penggunaan golongan pertama, golongan kedua atau masyarakat yang mencampurkan kedua-keduanya varian tersebut. Berikut merupakan antara kampung yang menggunakan varian [ulo] di daerah Baling, Kubang Pasu, Padang Terap, Pendang, Pokok Sena dan Sik. Jika diteliti penyebaran dialek Melayu Thai, iaitu dialek Melayu Petani dan juga dialek Melayu Satun telah menyerbar luas di beberapa daerah di negerikedah kerana kedudukan yang bersempadan dengan negeri Kedah dan juga mengambilkira faktor-faktor lain seperti sejarah dan hubungan kekerabatan. Bagi penggunaan varian [ulo] didapati penyebaran varian ini ditemui di kebanyakan

kampung di daerah Bandar Baharu. Varian bunyi [ulo] merupakan ciri asli dialek Melayu Perak. Penggunaan varian bunyi ini begitu dominan di kampung-kampung dalam daerah Bandar Baharu. Menurut Asmah (2008), dalam lingkungan antara konsonan, /o/ akan timbul proses pembundaran atau meneutralkan vokal rangkap dan juga konsonan rangkap tengah kata. Menurut beliau lagi, dalam dialek asli Perak, leksikal yang berakhir dengan diftong /aw/ dan /au/ mempunyai kesejajaran dengan /ə/. Begitu juga dengan Raja Mukhtaruddin (1986) yang menjelaskan bahawa pada kedudukan suku akhir kata, bunyi /au/ dalam bahasa standard diganti dengan bunyi /ə/ dalam sebutan dialek Melayu Perak. Malah, terdapat satu keunikan lagi dalam dialek Melayu asli Perak ini apabila /o/ wujud di antara konsonan /k/ dan /b/ yang mengantikan /er/ dalam dialek Melayu Perak. Penggunaan varian ini masih lagi dapat dikekalkan sebutannya dan merupakan identiti kepada dialek Melayu asli Perak. Berdasarkan kepada peta isoglos, dapat dikesan bahawa kedudukan geografi daerah Baling yang berdekatan dan bersempadan dengan negeri Perak iaitu daerah Pengkalan Hulu telah memudahkan dialek Melayu Perak tersebar masuk dengan meluas ke daerah ini.

KESIMPULAN

Dapatkan kajian yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai varian ‘ular’ yang telah digunakan oleh masyarakat di negeri Kedah. Kerencaman ini berlaku kerana faktor kemasukan pengaruh dialek daripada dialek-dialek setempat seperti dialek Melayu dan dialek asli Melayu Kedah sendiri serta dialek-dialek luar seperti dialek Siam, dialek Petani Sik, dialek Petani Baling dan bahasa Thailand itu sendiri ke dalam negeri Kedah yang menyebabkan kewujudan pelbagai varian bagi leksikal tersebut. Kerencaman varian-varian ini juga dilihat terjadi juga adalah disebabkan oleh faktor ruang geografi di negeri Kedah itu sendiri. Keadaan negeri Kedah yang berbukit-bukau, bergunung-ganang dan sungai telah mempengaruhi kepada penyebaran variasi leksikal dialek Melayu di negeri ini. Walau bagaimanapun, berdasarkan analisis yang telah dilakukan membuktikan bahawa kewujudan bentuk muka bumi di negeri Kedah dilihat ada yang membuka dan menutup ruang kepada kerencaman dan penyebaran variasi leksikal yang dikaji. Akhir sekali dapat dirumuskan bahawa variasi leksikal bukan sahaja berlaku di negeri Kedah semata-mata

dan hampir meliputi kesemua negeri telah berlaku kerencaman dialek. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia sebuah negara yang unik dan indah dengan penggunaan dialeknya.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 1988. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Chambers, J. K. & Trudgill, P. 1990. *Dialektologi*. (pntrj). Annuar Ayub. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainur Syakirah Muhd Hissam
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor.
Emel: p91614@siswa.ukm.edu.my
- Junaini Kasdan
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor.
Emel: junaini@ukm.edu.my
- Harishon Radzi
Pusat Kajian Bahasa & Linguistik (PKBL) Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor.
Emel: naslin@ukm.edu.my
- Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Siti Noraini Hamzah, Yusmaniza Yusoff & Norlisafina Sanit. 2013. *Geo-linguistics Study on Lexical and Phonology Dialect Variations in North Perak, Malaysia*. Procedia. Published by Elsevier Ltd.
- Harishon Radzi, Zaharani Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. *Pelestarian Kaedah Lapangan: Penerapan Terhadap Kajian Geodialek dalam Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan (SLIK 15)*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norlisafina bt.Sanit. 2014. *Variasi Leksikal Kata Ganti Nama Dialek Pesisir Sungai Perak: Aplikasi Geographical Information System (GIS)*. Tesis Sarjana. Program Pengajian Linguistik. Bangi: Universiti Kebangsaan.
- Rohani Yusof. 1988. Dialek geografi Kuala Kangsar: Suatu kajian perbandingan.Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2014. Variasi dialek Melayu di Perak Utara: Analisis geolinguistik. *Jurnal Linguistik* 18 (2): 30-46.
- Teerarojanarat, S. & Tingsabatdh, K. 2011a. Using GIS for linguistic study: A case of dialect change in the northnortheastern region of Thailand. Dlm. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 21 (2011): 362-371.
- Teerarojanarat, S. & Tingsabatdh K. 2011b A. GIS-based approach for dialect boundary studies. *Dialectologia* 6: 55-75.